



---

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS HARI INOVASI  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
TAHUN 2014**

Tarikh : 14 Oktober 2014, Selasa  
Masa : 10.30 pagi  
Tempat : Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid,  
Kementerian Kerja Raya

---

**“INOVASI PEMANGKIN TRANSFORMASI”**

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis

YBhg Dato' Zohari bin Haji Akob  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Y. .Bhg. Dato' Ir. Annies Bin Md. Ariff  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBrs Tuan Hj. Sarani bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir dalam sambutan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2014 yang diadakan pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.

**TUJUAN HARI INOVASI**

2. Sepertimana tahun-tahun sebelumnya Hari Inovasi diadakan bagi menggantikan Hari Kualiti mulai tahun 2010 dan selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda negara khususnya dalam mentransformasikan sektor awam. Inovasi dan transformasi adalah antara perkara yang diberikan perhatian khas oleh kerajaan dalam usaha menuju ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Inovasi dalam perkhidmatan awam adalah penting kerana ia menggalakkan daya saing negara. Penjawat awam merupakan jentera penting Kerajaan dalam menjayakan setiap aspirasi Kerajaan. Justeru, adalah menjadi keutamaan kepada kita, untuk terus mempergiatkan usaha dalam menyemarakkan lagi budaya inovasi, memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih cepat, cekap dan berkesan. Oleh itu tema sambutan hari inovasi KKR 2014 yang dipilih pada tahun ini adalah “Inovasi Pemangkin Tranformasi”.

3. Penganjuran Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya 2014 menunjukkan komitmen warga Kerja Raya untuk terus membudayakan inovasi dalam tugas sehari-hari. Bagi mengiktiraf sumbangan warga Kerja Raya dalam penghasilan idea kreatif dan inovatif, kita bakal menyaksikan penyampaian anugerah inovasi dalam lima kategori yang dipertandingkan pada tahun ini iaitu Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Anugerah Inovasi ICT, Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat dan Anugerah Inovasi Pengurusan Projek. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua bakal penerima anugerah inovasi pada tahun ini. Semoga dengan kejayaan yang dikehendaki oleh penerima anugerah kali ini akan dapat dicontohi oleh semua Agensi dan Bahagian dalam usaha merancakkan lagi pembudayaan inovasi di agensi/Jabatan masing-masing.

### **“Inovasi Pemangkin Transformasi”**

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sama ada kita sedar atau tidak, kita semakin hampir untuk menuju ke tahun 2020. Dalam mencapai matlamat status negara maju berpendapatan tinggi dengan sasaran pertumbuhan ekonomi yang mantap dan konsisten, kerajaan telah menggariskan Dasar Transformasi Negara yang mana transformasi tersebut adalah bersifat *structural* dan menjurus kepada dasar negara dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Transformasi perkhidmatan awam adalah reaksi kepada cabaran persekitaran semasa dan arus globalisasi yang memberi kesan kepada suasana politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat. Ekspektasi rakyat yang semakin meningkat, disamping

kemajuan pesat dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat menjadikan prestasi perkhidmatan awam lebih mudah untuk diteliti dan dinilai oleh masyarakat.

5. Dalam konteks ini, Anggota perkhidmatan awam perlu berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah kerja baharu di luar kotak kelaziman. Justeru, budaya inovatif menjadi agenda utama dalam menghasilkan perubahan berimpak besar kepada kerajaan melalui program-program transformasi dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Usaha-usaha ini perlu disokong oleh semua peringkat terutamanya pengurusan atasan bagi memastikan nilai-nilai kreativiti dan inovasi menjadi budaya kerja dan bukan bermusim atau untuk pertandingan semata-mata. Kadangkala, satu pandangan atau idea daripada orang yang ‘biasa’ mungkin boleh menjadi sesuatu yang ‘luar biasa’ kepada agensi/Jabatan kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Jika dilihat dari sudut pencapaian negara di persada antarabangsa, kedudukan negara dalam Global Innovation Index 2014 telah menunjukkan penurunan daripada kedudukan ke-32 pada tahun sebelumnya ke kedudukan ke-33. Senario ini secara tidak langsung menuntut penjawat awam perlu menyahut cabaran yang lebih besar untuk melipat gandakan usaha bagi mencipta pelbagai lagi inovasi untuk perkhidmatan awam dalam usaha untuk memenuhi tuntutan semasa.

7. Namun begitu, laporan terkini *Global Competitiveness Report (WEF-GCR 2013-2014)* oleh *World Economic Forum* meletakkan Malaysia di tempat ke-24 daripada 148 negara, mendahului beberapa negara maju seperti Austria, Australia, Perancis dan Korea Selatan, peningkatan satu kedudukan berbanding tahun sebelumnya. *Global Competitiveness Index (GCI)* adalah berdasarkan 12 komponen teras daya saing yang menggabungkan 111 petunjuk. Malaysia berada di kedudukan sepuluh negara teratas (*Top Ten*) dalam aspek daya saing global di rantau Asia Pasifik. Ini merupakan satu peningkatan kedudukan berbanding tahun sebelumnya. Malaysia mengekalkan kedudukan teratas antara 22 negara dalam peringkat peralihan dari dorongan kecekapan (*efficiency-driven*) kepada dorongan inovasi (*innovation-driven*), dengan menunjukkan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita kepada USD10,304 pada tahun 2012 berbanding USD9,700 pada tahun sebelumnya.

## **INOVASI KKR**

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saban tahun, saya dapat melihat bahawa Kementerian dan Agensi dibawahnya sentiasa berupaya untuk memperkenalkan pelbagai idea dan projek-projek inovasi. Jabatan Kerja Raya (JKR) misalnya, telah membawa 18 produk inovasi yang mempunyai nilai komersil yang tinggi di *Malaysia Technology Exhibition (MTE) 2014* yang telah diadakan di PWTC, Kuala Lumpur pada bulan Februari lalu. Saya difahamkan JKR telah meraih 3 pingat emas, 7 perak dan 6 gangsa dan satu medal juri khas. Tahniah diucapkan kepada pasukan inovasi JKR.

9. Pada tahun ini juga, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), telah pun berjaya meraih Pencapaian Anugerah Emas (3 bintang) dalam *Inovative and Creative Circle* (ICC) Wilayah Utara Tahun 2014 melalui projek ‘Papan Tanda Sementara yang Dipasang Semasa Penutupan Lorong di Lebuhraya Kerap Tumbang’. Di samping itu, laman web *Travel Smarter* telah dilancarkan sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) dan ia merupakan contoh produk inovasi yang mengikuti arus perkembangan teknologi. Ia adalah merupakan laman web interaktif dan memaparkan pelbagai info, antaranya latar belakang dan faedah pembangunan lebuh raya di Malaysia, info trafik secara langsung dan juga *Journey Planner*. Pengguna lebuh raya boleh menggunakan *Journey Planner* bagi merancang perjalanan dengan membuat anggaran kos dan jarak perjalanan ke destinasi yang dituju sama ada melalui lebuh raya atau jalan tanpa tol.

10. Melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), kita turut berbangga dengan pencapaian *Construction Research Institute of Malaysia* (CREAM) yang mana sebanyak 47 projek R&D telah dilaksanakan sepanjang penubuhannya. Bagi tahun 2014, terdapat dua buah projek R&D dilaksanakan iaitu membangunkan Garis Panduan Pembinaan di Kawasan Tanah Gambut dan *The Sustainable and Affordable House for Middle Income Group in Klang Valley*.

11. Bagi projek membangunkan Garis Panduan Tanah Gambut, pihak CREAM telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada pakar-pakar geoteknikal dan profesional tempatan. Jawatankuasa kerja ini akan menjalankan pengumpulan data tanah gambut bagi membangunkan garis panduan tersebut yang dijangka

akan dapat dijadikan rujukan dan memberi manfaat kepada pembuat dasar, pihak berkuasa, agensi kerajaan dan penggiat industri pembinaan. Garis panduan ini juga akan memberikan panduan terbaik dengan mengambil kira kos pembinaan yang efektif, kaedah rawatan yang optimum bagi tanah gambut. Suka saya memaklumkan bahawa, KKR melalui CIDB sedang dalam usaha untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan “*Center of Excellent*” sebagai pusat rujukan setempat bagi menjalankan penyelidikan mengenai tanah gambut dengan kerjasama Universiti Swinburne Sarawak.

12. Dalam bidang penyelidikan teknologi hijau pula, CREAM bersama-sama dengan CIDB sedang melaksanakan projek R&D bagi perkampungan mapan di Kompleks CIDB dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Kuching. Projek R&D yang bertajuk *Sustainable Village and Affordable House Using Solar Energy for Rural Communities and Remote Areas* adalah untuk menonjolkan penggunaan bahan binaan yang lebih mesra alam. Projek ini merupakan inisiatif CREAM dan CIDB untuk menjadikan CREAM sebagai Pusat Kecemerlangan bertaraf dunia dalam pembangunan mapan dan mampu milik di Malaysia. Projek perkampungan ini akan dibina dengan tiga buah rumah contoh yang mana saya telah difahamkan ia akan dibina dengan menggunakan sumber bahan binaan tempatan yang terdiri daripada buluh, kayu dan guni pasir sebagai rumah berkonsepkan mampu milik bagi penduduk luar bandar. Rumah tersebut turut akan dilengkapi dengan ciri teknologi hijau iaitu menggunakan sistem kecekapan air, pencahayaan dan pengudaraan semulajadi, tenaga solar, penuaian sistem air hujan dan juga sistem pam bergraviti (*ram pump*).

## **MEMBUDAYAKAN INOVASI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Kita patut mengambil contoh kejayaan syarikat tempatan seperti AirAsia yang mana melalui cetusan inovasi dan pemikiran kreatif telah mampu mengubah kedudukan syarikat yang pada awalnya mengalami kerugian yang besar dan dibebani dengan hutang yang amat banyak kepada sebuah syarikat penerbangan tambang murah. Begitu juga dengan syarikat Les Copaque Sdn Bhd (Les Copaque) yang mana menerusi kejayaan cereka animasi Upin dan Ipin telah berjaya mengubah landskap industri animasi negara. Seluruh negara sepatutnya berasa bangga apabila karakter Upin dan Ipin telah dipilih menjadi duta UNICEF di samping mendapat sambutan menggalakkan di negara seperti Indonesia dan Filipina serta sudah ditayangkan ke 16 buah negara di dunia melalui rangkaian *Disney Channel Asia*. Ini telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia mampu untuk berfikiran kreatif dan berjaya menakluki dunia. Kejayaan kedua-dua syarikat tempatan ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada penjawat awam untuk sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan agar dapat memastikan perkhidmatan awam kekal relevan dalam memenuhi tuntutan semasa.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, suka saya memetik ucapan Y.A.B. Perdana Menteri semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kedua Belas (MAPPA XII) di PICC; “Usaha menjayakan sebuah transformasi pastinya melibatkan perubahan, pembaikan dan pengukuhan kepada tiang seri institusi serta struktur perkhidmatan awam itu sendiri. Pertama, perubahan pada cara berfikir, kedua,

pembaikan kepada sistem nilai dan ketiga, pengukuhan kepada gerak kerja.”. Justeru, adalah menjadi harapan saya agar Kementerian ini dapat meneruskan pembudayaan inovasi dalam melaksanakan tugas harian dengan menampilkan lebih banyak pendekatan kreatif dan inovatif selaras dengan visi transformasi perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, saya menggesa penglibatan semua ketua jabatan, bahagian dan cawangan untuk memupuk dan membudaya inovasi dengan mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang mendorong kepada penyuburan nilai-nilai inovasi dan kreativiti. Ini adalah kerana “*lead by example*” dan “*walk the talk*” sentiasa menjadi “*mantra*” para pemimpin yang berjaya, seperti kata pemikir strategis dunia, Harold McAlindon iaitu, “*World leaders in innovation and creativity will also be world leaders in everything else*.”.

## PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2014 ini. Diharapkan agar kerjasama yang telah diberikan ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Dengan lafaz “Bismillahhirrahmanirrahim” saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2014.  
**“Inovasi Pemangkin Transformasi”**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Sekian, terima kasih.